

Laporan

Wan Faizal Ismayatim

Gambar

Zahari Zakaria

Di Gaza, Palestin



Siri dua

'Terowong harapan' penyambung

Berita Harian

29 JUL 2010

29 JUL 2010

29 JUL 2010

Nasib 1.5 juta penduduk tertindas bergantung penuh pada

nyawa rakyat Palestin di Gaza

barang seludup untuk teruskan kehidupan seharian

TEROWONG harapan'. Mungkin itu ungkapan paling sesuai bagi menggambarkan kepentingan ribuan terowong bawah tanah di kawasan bersempadanan Gaza dan Mesir yang dibina penduduk Palestin di wilayah bergolak itu bagi menyeludup masuk pelbagai barangan keperluan, termasuk bantuan kemanusiaan.


Jika tidak kerana kewujudan terowong sulit bawah tanah itu, mungkin nasib 1.5 juta penduduk Gaza bertambah sukar kerana mereka bukan saja terjejas teruk akibat serangan berdarah 22 hari rejim Zionis pada Disember 2008 dan Januari 2009, malah turut dikenakan sekatan yang tidak munasabah oleh Israel.

Di wilayah yang 75 peratus penduduknya tiada pekerjaan, terowong penyambung nyawa rakyat Palestin di Gaza itu sebenarnya memberikan 'peluang pekerjaan' kepada ribuan lelaki, termasuk remaja yang memerah keringat 24 jam sambil berdepan bahaya.

Mereka ini 'berkhidmat' dengan nyawa sebagai taruhan kerana silap hari bulan, terowong tempat mencari sesuap nasi bukan saja untuk diri sendiri, malah penduduk Gaza keseluruhannya, boleh bertukar menjadi 'terowong maut' jika diserang tentera Israel sekiranya mendapat tahu kewujudannya.

Israel menguatkuasakan sekatan serta melarang pelbagai barangan, khususnya bahan binaan seperti simen dan besi daripada dibawa masuk ke Gaza sejak tiga tahun lalu apabila Hamas mengambil alih kuasa pentadbiran wilayah berkenaan.

Pelaksanaan dasar sekatan yang mendapat kerjasama Mesir itu dibuat dengan alasan bahan seperti besi dan simen boleh digunakan pejuang Hamas untuk membuat senjata. Na-



DERETAN bangunan diletakkan kanvas yang menutupi setiap terowong sulit di sekitar bandar Rafah.

mun, hakikatnya ia menyukarkan Gaza untuk dibangunkan semula selepas mengalami kemusnahan teruk akibat bedilan Zionis.

Hakikatnya, barangan keperluan asas, makanan dan perubatan sebenarnya juga sukar dibawa masuk ke Gaza melalui pintu sempadan sedangkan keutamaan warganya di pasca peperangan ketika ini ialah mendapatkan keperluan asas, termasuk kelengkapan dan bantuan pendidikan.

Justeru, terowong bawah tanah inilah yang berfungsi membawa masuk keperluan penduduk, walaupun ada dakwaan mengatakan pejuang Hamas turut mempunyai terowong rahsia sendiri untuk menyeludup senjata.

Dalam kunjungan ke Gaza baru-baru ini,

penulis berpeluang dibawa menyaksikan sendiri operasi memunggah dan menyeludup barangan keperluan, termasuk bahan binaan di sebuah lokasi rahsia di Rafah yang bersempadan Mesir.

Dari luar, kawasan itu kelihatan seperti tempat perlombongan pasir, tetapi sebaik masuknya, terlalu banyak timbunan pasir dapat dilihat di sekelilingnya sebelum mata bertumpu ke arah puluhan kanvas yang menutupi setiap terowong sulit berkenaan.

Penulis dibawa melihat dua jenis terowong. Yang pertama berbentuk seperti perigi buta dengan kedalaman sehingga 30 meter dan mempunyai laluan bawah tanah sejauh antara 300 meter hingga hampir satu kilometer meng-

hubungkan Gaza dan Mesir.

Terowong jenis ini digunakan bagi membawa masuk keperluan asas seperti makanan, tepung, minuman dan bahan binaan. Tidak kecuali produk elektronik termasuk telefon bimbit, laptop sehinggalah pakaian berjenama dibawa masuk menerusi laluan tikus itu.

Maka, tidak hairanlah pelbagai produk terbaru di pasaran dunia boleh didapati di merata kedai di bandar Gaza. Tetapi, hanya mereka yang mampu saja boleh memilikinya, manakala yang kurang berkemampuan tetap mengharapkan bantuan masyarakat dunia.

Terowong jenis ini dilengkapi tangga besi dan kren untuk membawa naik barangan ke atas dengan pada setiap masa lebih 20 pekerja kebanyakannya anak muda sibuk memunggah dan mengangkut pelbagai barang sebelum disusun di atas lori dan treler yang menunggu.

Kebanyakan pekerja terowong berkenaan kelihatan agak bengis. Malah, penulis dan jurugambar tidak dibenarkan sama sekali mengambil gambar pekerja terowong atas faktor keselamatan kerana tidak mahu identiti mereka yang kebanyakannya tinggal di kawasan berhampiran terdedah.

Seorang pekerja terowong berusia lingkungan awal 20-an berkata, terowong berkenaan beroperasi 24 jam dan segala pergerakan dalam kawasan itu perlu dilakukan secara berhati-hati bagi mengelak kewujudannya dikesan tentera Israel.


Dia yang sudah empat tahun bekerja di beberapa terowong di kawasan itu berkata, sepanjang 22 hari serangan tentera Israel 18 bulan lalu, beratus-ratus terowong dibedil dan operasi di kawasan itu terpaksa dihentikan.

“Bagaimanapun, ada beribu-ribu terowong menghubungkan kawasan ini dengan Mesir dan mustahil semuanya dapat dimusnahkan,” katanya.

Laporan berita tempatan baru-baru ini menyebut, pihak berkuasa Mesir sudah memusnahkan kira-kira 400 terowong sulit bawah tanah di sekitar Rafah sejak awal tahun ini.

“ Mereka ini ‘berkhidmat’ dengan nyawa sebagai taruhan kerana silap hari bulan, terowong tempat mencari sesuap nasi bukan saja untuk diri sendiri, malah penduduk Gaza keseluruhannya, boleh bertukar menjadi ‘terowong maut’ jika diserang tentera Israel sekiranya mendapat tahu kewujudannya”

“ Sekatan yang dikenakan Israel bagi menghalang kemasukan bahan binaan juga menyaksikan ada penduduk yang miskin, terpaksa mencari sisa runtuh bangunan dan besi buruk untuk dikitar semula bagi membina dan membaik pulih kediaman yang musnah teruk dibedil tentera Israel”



YASER AL WALIH, 13, menjual buah-buahan menggunakan kereta yang ditarik keldai.

rakyat Palestin di Gaza

dup untuk teruskan kehidupan seharian



ORANG penyeludup menaiki tangga dari terowong untuk membawa barang yang diseludup.



KEBANYAKAN kediaman penduduk Palestin mempunyai parabola untuk menikmati siaran televisyen satelit dari pelbagai negara.

Parabola, catuan elektrik, beli air untuk mandi perkara biasa

WALAU PUN bumi Gaza teruk dibedil rejim Zionis, uniknya penduduk wilayah bergolak itu tidak terlepas dalam memperoleh laporan berita antarabangsa. Di sebalik pelbagai kesukaran yang di-

lalu terowong bawah tanah yang banyak terdapat kawasan bersempadan Mesir.

Bagaimanapun, agak malang kemudahan itu tidak dapat digunakan secara maksimum memandangkan Gaza mengalami ma-

Malah, beberapa hari selepas kepulangan penulis dan anggota rombongan ke tanah air, agensi berita antarabangsa mendedahkan, tentera Israel memusnahkan beberapa lagi terowong berkenaan.

Sepanjang serangan 22 hari ke atas Gaza 18 bulan lalu, tentera Israel melancarkan beratus-ratus peluru berpandu di sepanjang 14 kilometer sempadan antara Gaza dan Mesir, mengeduk anggaran 300 hingga 500 terowong yang melintasi bahagian bawah tanah kedua-dua negara.

Namun, di sebalik kemusnahan itu, ratusan terowong sama ada digali semula atau dibina kerana walaupun beroperasi 'secara haram', hakikatnya ia sangat penting bukan saja sebagai peluang pekerjaan, malah bagi menyalurkan keperluan asas penduduk.

Ketika ini, pihak berkuasa Mesir dilaporkan sedang memasukkan hadangan bawah tanah di sepanjang sempadan dalam kawasan negara itu bagi menghalang pembinaan lebih banyak terowong menghubungkan kedua-dua negara.


Sekatan yang dikenakan Israel bagi menghalang kemasukan bahan binaan juga menyaksikan ada penduduk yang miskin, terpaksa mencari sisa runtuh bangunan dan besi buruk untuk dikitar semula bagi membina dan membaik pulih kediaman yang musnah teruk dibedil tentera Israel.

Sebuah lagi terowong yang sempit penulis lawati dalam kunjungan empat hari ke Gaza minggu lalu itu ialah terowong berbentuk mendatar yang terletak kira-kira 10 meter dari bawah permukaan tanah.

Terowong jenis ini dipasak dengan kayu di kiri dan kanan serta bahagian atasnya bagi memastikannya kukuh dan mengelak berlakunya runtuh.

Selebar kira-kira satu meter, terowong jenis ini digunakan khas untuk membawa masuk kereta dan motosikal. Tetapi kereta agak besar saiznya tidak cukup muat untuk dibawa masuk.

Penulis yang masuk beberapa meter ke da-



BAKUL panjang digunakan untuk membawa barangan yang diseludup melalui terowong.

lam terowong itu perlu berjalan secara berhati-hati bagi mengelak terkena kejutan elektrik berikutan banyak kabel berkuasa tinggi pada dinding di kiri dan kanan terowong.

Kewujudan terowong seperti inilah membolehkan pelbagai model kenderaan dapat dilihat di atas jalan raya di bandar Gaza, termasuk model keluaran 2009 dan 2010. Namun, sekali lagi hanya yang berkemampuan mampu memilikinya.

Selain kereta model lama yang kadangkala sudah tidak lagi digunakan di Malaysia, mereka yang kurang mampu pula masih menggunakan perkhidmatan kereta kuda, keldai dan unta sebagai pengangkutan dan untuk mengangkut barangan, terutama hasil pertanian.

lalu selepas teruk menjadi mangsa serangan tentera Israel 18 bulan lalu, penduduk Gaza sebenarnya mempunyai satu 'kelebihan' berbanding kebanyakan kita di Malaysia – mempunyai parabola untuk menikmati siaran televisyen satelit dari pelbagai negara.

Lebih mengejutkan, bukan rumah besar, pejabat kerajaan atau bangunan tinggi saja yang dilengkapi parabola, malah ada penduduk yang tinggal dalam khemah selepas kediaman mereka musnah diserang tentera Israel, turut mempunyai kemudahan berkenaan.

Malah, seorang petani di Jabaliah, utara Gaza, Saheh Abed Raboh, 30, yang tinggal dalam sebuah khemah bersama ibu bapanya sejak 18 bulan lalu selepas rumahnya dimusnahkan kereta kebal dan jentolak rejim Zionis, turut memiliki parabola!

Apa yang mengejutkan, kunjungan penulis ke khemah diduduki Saheh mendapati walaupun tapak asal rumahnya kini hanya tinggal empat tiang asas, namun lelaki itu masih mampu memiliki kemudahan berkenaan untuk menonton pelbagai saluran televisyen.

Di Palestin, penduduk cuma mempunyai satu saluran televisyen tempatan percuma menyebabkan mereka terpaksa mencari alternatif lain untuk mendapatkan laporan berita semasa dan hiburan.

Menurut sukarelawan Persatuan Bulan Sabit Merah Palestin (PRCS), Aziz Abo Aisha, 24, parabola boleh dibeli di Gaza dengan harga tidak lebih 100 shekels, menyebabkan ramai yang mampu memilikinya.

"Di Palestin, kami cuma ada satu saluran televisyen tempatan. Sebab itu, ramai yang menggunakan parabola untuk mendapatkan pelbagai saluran antarabangsa khususnya dari negara jiran," katanya.

Difahamkan, parabola adalah antara barangan yang dibawa masuk menggunakan

salah bekalan elektrik dengan kemudahan asas itu dicatu untuk tempoh waktu tertentu setiap hari di setiap kawasan.

Berikutan itu, kebanyakan pejabat kerajaan, hospital dan premis perniagaan mempunyai set jana kuasa sendiri bagi membolehkan bekalan elektrik diperoleh 24 jam setiap hari. Ia juga dipercayai diseludup melalui terowong sulit bawah tanah!

Pengalaman penulis bersama rombongan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) ke Gaza yang diberikan penginapan di Hospital Al-Quds juga berdepan 'catuan' bekalan elektrik apabila kami hanya boleh mengecap peralatan elektronik dan menggunakan penghawa dingin apabila diminta. Semua itu dilakukan pengurusan hospital atas tujuan penjimatan.

Selain itu, penduduk Gaza turut berdepan masalah bekalan air yang sering kali terputus. Di kebanyakan kawasan perumahan biasanya disediakan paip awam untuk kegunaan penduduk dengan kanak-kanak boleh dilihat meneguk air secara terus dari paip berkenaan bagi menghilangkan dahaga.

Difahamkan, masalah bekalan air menyebabkan ada penduduk terpaksa membeli air minuman dalam botol yang setiap satunya berharga 3 shekels di kedai runcit semata-mata untuk mandi!

Di Gaza, kereta kuda dan keldai yang boleh dilihat di merata-rata tempat bukan saja digunakan untuk mengangkut hasil pertanian, malah sebagai pengangkutan awam, di samping ada juga dijadikan kenderaan mengutip sampah sebelum di bawah ke kawasan pelupusan.

Jika memandu di bandar dan jalan utama di Gaza, pemandu bukan saja perlu berhati-hati kepada kenderaan lain, tetapi juga terhadap kereta kuda dan keldai yang tidak kurang hebat cara 'pemanduannya'.

- Bersambung